

04 OCT 1999

SAYA ISYTIHAR HARTA SEMASA DILANTIK MENTERI KEWANGAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, Oct 4 (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau menulis surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menjadi timbalan perdana menteri bagi mengesahkan hartanya tidak bertambah dari semasa dia mula dilantik Menteri Kewangan.

Oleh itu, pengisytiharan harta yang dibuatnya semasa menjadi Menteri Kewangan, masih sah, katanya dalam kenyataan menerusi satu e-mel menggunakan nama Raja Petra.

Anwar, yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana rasuah, berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir pada Jumaat lepas bahawa beliau adalah satu-satunya menteri dalam kabinetnya yang tidak mengisytiharkan hartanya semasa memegang jawatan timbalan perdana menteri, mungkin kerana dia fikir tidak perlu berbuat demikian kerana menduduki jawatan kedua tertinggi dalam kerajaan.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu semasa ditanya oleh pelajar Malaysia di London mengenai ketelusan dalam politik dan kenapa ada ahli politik Malaysia tidak perlu mengisytiharkan harta mereka.

-- BERNAMA

nhd mai